

14/05/2000

Politik duit ibarat luka dihurung bari-bari

ADA satu ungkapan dalam bahasa Inggeris yang berbunyi *damned if you do, damned if you don't*. Kalau Kiau terjemah secara terus, ia berbunyi '*jahanam kalau awak buat, jahanam kalau awak tak buat*'.

Itulah yang Kiau nampak dengan kempen Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hendak hapus politik duit dalam Umno. Tak kira seikhlas mana hasrat dia, tetap ada yang tentang atau tak percaya dengan kempen itu.

Ini sifat manusia. Kerana dia bangkitkan isu itu, ada yang tuduh dia macam-macam. Kiau tak hairan sikit pun kalau ada yang kata dia pun terbabit juga dengan politik wang. Yang lain pula sokong saranan dia sekadar lepas batuk di tangga dan tanam tebu di tepi bibir.

Dr Mahathir boleh diam dan biar politik duit berleluasa. Tapi orang pula yang akan kutuk dia kerana tak ambil tindakan.

Kiau teringat lagu R Azmi yang berbunyi '*tegur salah, tak tegur salah, jadi semua serba salah*'.

Maaflah kalau Kiau kata daripada satu sudut, Dr Mahathir pun terbabit dengan politik wang. Bukan maksud Kiau yang dia guna wang untuk menang.

Yang Kiau maksudkan ialah selagi ada unsur yang buruk ini dalam Umno, Dr Mahathir sebagai ketua parti turut terpalit.

Kiau yakin Dr Mahathir tahu beratnya beban dan bencana mendedah dan seterusnya cuba menghapuskan gejala buruk ini pasal tak semua orang sokong. Kalau tujuan Dr Mahathir semata-mata untuk menyelamatkan diri, dia boleh berpeluk tubuh dan biarkan gejala ini berleluasa.

Kita pun tahu banyak ahli dan pemimpin Umno yang terima politik duit sebagai sesuatu yang biasa dalam parti. Malah di satu peringkat, mempamerkan kekayaan menjadi kebanggaan kepada pemimpin dan ahli Umno.

Mereka cukup seronok apabila media massa melaporkan mereka datang ke perhimpunan agung dengan bas berhawa dingin, kereta mewah dan kapal terbang. Mereka bangga apabila dilaporkan mereka tinggal di hotel empat atau lima bintang dan makan sepinggan RM50. Sekarang kerana Dr Mahathir kata politik wang buruk, barulah malu atau takut nak tunjuk kekayaan pasal bimbang dituduh amalkan politik duit.

Tapi mengikut si tiang yang pandai berkata-kata, ada OKS (orang kaya segera) yang beli jam tangan bertatah permata RM50,000 sebuah kerana dijanjikan kawasan balak.

Kita semua tahu politik wang ini bermula secara serius pada pertengahan tahun 1980-an dan memuncak pada pemilihan Umno 1993. Sejak itu, politik duit jadi bertambah buruk dan kempen Dr Mahathir untuk cuba hapuskannya tambah hebat.

Tapi ibarat luka yang sudah merebak dan dihurung pula oleh lalat dan bari-bari, ia sukar disembuhkan. Kiau tidak mahulah samakan gejala ini dengan barah pasal penyakit barah hampir-hampir mustahil boleh diubati melainkan dikesan lebih awal dan penghidapnya pula mempunyai semangat yang tinggi. Banyak juga ahli dan pemimpin parti yang marah dengan Dr Mahathir. Politik duit sudah jadi sumber rezeki kepada yang menerima dan cara untuk menang bagi yang memberi.

Maaflah kalau Kiau kata Kiau dengar banyak juga perwakilan dan pemerhati yang tuduh ada antara yang menang dalam pemilihan Khamis lalu adalah pengamal politik duit. Kiau tak berani buat sebarang kesimpulan tapi Kiau yakin perwakilan cukup matang dan cukup kenal dengan calon-calon untuk menentukan siapa yang guna duit dan siapa tak guna duit.

Tapi janganlah cakap saja. Cakap tak sampai ke mana malah cakap sahaja boleh merosakkan lagi parti dan menyebabkan pecah-belah. Kalau mereka ikhlas dan betul-betul berpegang kepada perjuangan dan keunggulan parti seperti yang disebut oleh Dr Mahathir dalam ucapan perasmiannya, mereka kenalah bertindak.

Mereka kena lapor apa yang mereka tahu kepada Jawatankuasa Disiplin parti. Apatah lagi Presiden parti sendiri telah buat janji singkir mana-mana ahli Majlis Tertinggi yang menang kerana politik wang. Kiau rasa hanya dengan cara ini sajalah politik duit dan rasuah politik boleh dibendung.

Masalah dengan orang Melayu ialah mereka terlalu baik dan cepat sangat kesian dan memaafkan orang asalkan orang itu pemurah dan mesra. Kadang-kadang orang yang terbukti penjenayah pun dapat simpati pasal wajah dia manis, selalu senyum dan mesra.

Ini bukanlah sifat yang tak baik tapi bangsa Melayu tidak akan jadi bangsa yang unggul dan Umno mustahil boleh kembali kepada idealismenya kalau orang Melayu ikut kata hati dan bukan akal.

Selagi orang Melayu tidak berani berdepan dengan politik wang dan bersemuka dengan pemimpin mereka yang rasuah, selama itulah keunggulan bangsa Melayu dan idealisme Umno tidak dapat dipulihkan.

Sebenarnya tidak ada sebab orang Melayu tidak boleh kaya, maju dan berjaya tanpa bergantung kepada politik duit dan rasuah. Dasar negara bagi mereka peluang yang cukup luas. Malangnya politik jugalah yang agungkan wang dan kekayaan sampai wang dan kekayaan jadi teras minda Melayu.

Orang Melayu lihat wang sama ada hasil titik peluh sendiri, subsidi atau sedekah politik sebagai hak. Sudah ramai yang lupa konsep rezeki halal. Mereka tidak tanya lagi apakah duit yang mereka terima hak mereka atau rasuah dan sogokan.

Kiau harap kempen Dr Mahathir ini berjaya pasal selagi politik wang jadi amalan walaupun oleh hanya segelintir pemimpin dan ahli Umno, selama itulah idealisme Umno dan bangsa Melayu mustahil boleh dikembalikan dan amalan demokrasi akan terus terancam.

(END)